



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2018/2019**

NAMA KURSUS : PENGAJIAN MORAL

KOD KURSUS : UQI 10202 / UQI 10702 / UWA 10202

KOD PROGRAM : BBB/ BBC/ BBD/ BBF/ BDC/ BDD/ BDM/
BEJ/ BEV/ BFF/ BFR/ BIM/ BIP/ BIS/ BIT/
BIW/ BNA/ BNB/ BNC/ BNF/ BNG/ BNL/
BNM/ BPA/ BPB/ BPC/ BPD/ BPP/ BWA/
BWC/ BWD/ BWQ/ BWW

TARIKH PEPERIKSAAN: JUN / JULAI 2019

JANGKA MASA : 2 JAM

ARAHAN : A) JAWAB **SEMUA** SOALAN DALAM
BORANG OMR YANG DISEDIAKAN.
B) DILARANG MEMBAWA KERTAS
SOALAN INI KELUAR DARI
DEWAN PEPERIKSAAN.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **DUA PULUH SATU (21)** MUKA SURAT

- S1** Apakah maksud perkataan moralis dalam bahasa Latin?
- A Hubungan antara manusia dengan alam
 - B Hubungan antara manusia dengan manusia
 - C Hubungan antara manusia dengan keluarga
 - D Hubungan antara manusia dengan seluruh kehidupan
- S2** Manakah perkataan yang boleh dikaitkan dengan akhlak dari segi bahasa?
- I Adat
 - II Tabiat
 - III Perilaku
 - IV Perangai
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

Soalan 3 hingga 5 adalah berdasarkan kepada fokus bidang moral, etika, akhlak dan nilai dalam **Jadual 1**. Pilih jawapan yang betul.

Jadual 1

A	Nilai
B	Etika
C	Moral
D	Akhlak

- S3** Menjurus kepada amalan dan perlakuan luaran yang dizahirkan oleh seseorang.
- S4** Mengfokuskan kepada keadaan dalaman (hati) seseorang yang akan membentuk tabiat luaran menerusi perbuatan.
- S5** Mematuhi satu set peraturan yang berkait rapat dengan nilai-nilai moral serta norma (kebiasaan) sesuatu masyarakat.

- S6** Apakah etika yang menilai dan mengkritik sistem moral?
- A Relatif
 - B Normatif
 - C Spekulatif
 - D Deskriptif
- S7** Manakah rujukan utama perkataan moral?
- I Amalan
 - II Perbuatan
 - III Tingkah laku
 - IV Nilai-nilai yang baik dan buruk
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S8** Apakah yang dimaksudkan dengan etika?
- I Etika berasal daripada perkataan *ethos* yang merujuk kepada “perlakuan seseorang”
 - II Satu disiplin atau peraturan yang menentukan sama ada sesuatu perbuatan itu baik atau buruk
 - III Satu disiplin yang dapat memberi maklumat kepada kita apakah sistem moral yang diamalkan oleh kelompok tertentu
 - IV Satu set peraturan tetap yang diwujudkan sebagai panduan kepada manusia untuk menjamin kehidupan yang aman dan harmoni
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S9** Apakah asas utama kehidupan bermoral manusia?
- A Kepercayaan kepada tuhan
 - B Kepercayaan kepada kitab suci
 - C Kepercayaan kepada kehidupan selepas mati
 - D Kepercayaan kepada pemimpin yang adil dan jujur

- S10** Manakah pernyataan berikut yang menunjukkan kesan agama kepada amalan moral?
- A Meninggalkan perkara yang buruk dan berubah kepada yang kurang buruk
 - B Mengamalkan gejala sosial demi mengikuti arus kehidupan yang serba moden
 - C Saling menziarahi untuk mengeratkan hubungan silaturrahim antara sesama penjenayah
 - D Saling menghormati dan tolong-menolong walaupun mempunyai perbezaan agama dan budaya
- S11** Manakah antara kenyataan berikut benar tentang konsep insan bermoral?
- I Menjadikan diri sebagai teladan kepada orang lain
 - II Mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian
 - III Memiliki tahap piawaian lebih tinggi daripada orang biasa
 - IV Manusia yang dapat membezakan antara nilai yang baik dan buruk
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S12** Apakah nilai moral yang perlu ada pada kedudukan moral dari perspektif sosial?
- A Menghormati orang yang lebih tua dalam keluarga masing-masing
 - B Memastikan semua anggota masyarakat mendapat pendidikan yang sempurna
 - C Bertoleransi dalam masyarakat terhadap semua perkara terutama yang melibatkan kepercayaan
 - D Memelihara kerukunan hidup berjiran dan peka terhadap isu-isu sosial yang berlaku dalam masyarakat
- S13** Apakah kenyataan yang benar tentang moral dan undang-undang?
- I Amalan yang bermoral tetapi salah di sisi undang-undang
 - II Moral dan undang-undang mempunyai hubungan yang erat
 - III Undang-undang tanpa asas moral akan menjadi undang-undang yang hilang kekuatannya
 - IV Perbuatan mentertawakan orang cacat tidak salah di sisi undang-undang tetapi salah dari segi moral
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S14 Mengapakah seseorang harus mengamalkan nilai-nilai moral?

- A Menerima ganjaran daripada majikan
- B Memupuk sikap amanah dalam tugas
- C Memperoleh pujian dari orang yang dibenci
- D Mendapatkan kasih sayang dari orang yang dicintai

S15 Pilih akhlak *mahmudah* menurut perspektif Islam.

- I Adil
 - II Ikhlas
 - III Amanah
 - IV Bangga diri
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S16 Apakah sumber dan rujukan utama sistem moral Barat?

- I Akal
 - II Nilai
 - III Norma
 - IV Agama
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

Soalan 17 merujuk kepada **Pernyataan 1** di bawah.
Pilih jawapan yang betul.

Pernyataan 1

The quality of being honest and having high moral standards
(Longman Dictionary, 1999)

- S17** Manakah konsep yang merujuk kepada pengertian dalam **Pernyataan 1**?
- A Integriti
 - B Akauntabiliti
 - C Etika individu
 - D Etika profesion
- S18** Apakah kesan terhadap masyarakat sekiranya nilai-nilai akhlak yang luhur tidak diamalkan oleh pemimpin?
- I Jenayah berleluasa
 - II Hidup tiada haluan
 - III Subur sifat cintakan dunia
 - IV Manusia bertuhankan hawa nafsu
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S19** Apakah pengaruh genetik dalam pembentukan akhlak individu?
- I Sifat asasi anak merupakan pantulan sifat bapa
 - II Setiap individu mempunyai genetik yang berbeza
 - III Sifat tertentu daripada bapa dipindahkan kepada anak
 - IV Kecenderungan anak mewarisi sebahagian besar sifat bapa
- A I, II dan III sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

Soalan 20 hingga 23 merupakan pandangan agama-agama terhadap moral dalam **Jadual 2**. Pilih jawapan yang betul.

Jadual 2

A	Agama Islam
B	Agama Hindu
C	Agama Buddha
D	Agama Kristian

- S20** Moral adalah ajaran mengenai kesan baik atau buruk dari semua jenis kehendak manusia sama ada dari segi tindakan, pemikiran atau pertuturan.
- S21** Moral adalah kelakuan yang tidak melanggar batas-batas peraturan akhlak yang ditetapkan dan penilaiannya adalah mutlak.
- S22** Moral adalah ajaran yang memimpin manusia kepada kemutlakan moral, kehormatan manusia dan penebusan dosa.
- S23** Moral adalah sesuatu perbuatan baik atau buruk yang akan mendapat balasan daripada Tuhan di akhirat kelak.
- S24** Siapakah dua ahli falsafah yang dikaitkan dengan teori Utilitarianisme?
- A Jeremy Bentham dan John Stuart Mill
 - B John Stuart Mill dan George Hamilton
 - C Jeremy Bentham dan George J. Holyoake
 - D John Stuart Mill dan George Bernard Shaw
- S25** Pilih pernyataan yang sesuai bagi etika Deontologi
- A Masyarakat mesti mematuhi kewajipan dan tugas ketika menganalisa delima etika
 - B Sebuah masyarakat perlu mematuhi suara dalaman mereka ketika menganalisa dilema etika
 - C Sebuah masyarakat perlu mematuhi keperluan masyarakat mereka ketika menganalisa delima etika
 - D Masyarakat harus mengikuti agama mereka dan tugas-tugas agama ketika menganalisa delima etika

- S26** Pilih kenyataan yang sesuai bagi teori Egoisme di bawah.
- A Sesuatu tindakan dan peraturan yang benar, berdasarkan pandangan, keinginan, kepercayaan dan agama
 - B Sesuatu tindakan dan peraturan yang benar, berdasarkan pandangan, keinginan, kepercayaan dan keluarga
 - C Sesuatu tindakan dan peraturan yang benar, berdasarkan pandangan, keinginan, diri, agama dan kepercayaan
 - D Sesuatu tindakan dan peraturan yang benar, berdasarkan pandangan dan keinginan yang bersumber dari diri seseorang
- S27** Apakah teori moral Barat yang menegaskan bahawa seseorang itu sepatutnya melakukan sesuatu tindakan yang akan menghasilkan kebaikan yang banyak kepada setiap orang atau kepada orang ramai?
- A Teori Egoisme
 - B Teori Utilitarianisme
 - C Teori Deontologi Tindakan
 - D Teori Deontologi Peraturan
- S28** Apakah maksud perkataan Teleologi?
- A Akhir dan tujuan
 - B Akhir dan manfaat
 - C Tujuan dan maksud
 - D Tujuan dan cita-cita
- S29** Apakah ciri utama teori moral Teleologi?
- A Ajaran moral dalam agama
 - B Niat seseorang dalam suatu perbuatan
 - C Tujuan sosial daripada suatu perbuatan
 - D Tujuan akhir setiap tindakan yang akan diambil

- S30** Pilih pernyataan yang benar mengenai teori Teleologi.
- I Berasal daripada perkataan Yunani "telos" bererti akhir atau akibat
 - II Sesuatu tindakan atau peraturan dianggap bermoral jika jumlah kebaikan yang dihasilkan melebihi kejahatan
 - III Menegaskan bahawa kriteria serta piawaian asas tentang sesuatu yang betul, salah, baik, buruk, jahat dan sebagainya adalah hati nuraninya
 - IV Akibat sesuatu perbuatan yang baik juga boleh ditafsirkan sebagai perkara yang boleh menguntungkan diri sendiri dan membuatkan orang lain bahagia
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S31** Siapakah yang memperkenalkan teori Utilitarianisme sebagai prinsip moral tertinggi yang disebut sebagai "Asas Kegunaan atau Manfaat" (*The Principle of Utility*)?
- A James Mill
 - B David Hume
 - C John Stuart Mill
 - D Jeremy Bentham

Soalan 32 hingga 33 adalah berdasarkan **Jadual 3**.

Jadual 3

A	Teleologi
B	Deontologi
C	Utilitarianisme
D	Eksistensialisme

- S32** Teori yang menganggap kebenaran dan kesalahan *ethanasia* bukan ditentukan oleh akibat tindakan itu tetapi perbuatan tersebut memang salah secara fitrah.
- S33** Teori yang menyatakan bahawa penilaian terhadap sesuatu perbuatan itu dibuat berdasarkan akibat daripada perbuatan tersebut.

- S34** Siapakah yang memperkenalkan penggunaan istilah Sekularisme?
- A Ibn Sina
 - B Ibn Khaldun
 - C George Holyoake
 - D George Bernard Shawn
- S35** Pilih pernyataan yang betul tentang Sekularisme.
- I Tidak bercanggah dengan Kristian
 - II Bermaksud keduniaan, tiada agama dan zuhud
 - III Ideologi yang memisahkan urusan keduniaan dari urusan keagamaan
 - IV Merupakan satu aliran falsafah yang tidak memiliki kebenaran atau panduan
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C I, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S36** Pilih faktor-faktor yang membawa kepada kemunculan fahaman Sekularisme.
- I Teori-teori palsu mengenai sains dan astronomi dicipta
 - II Agama mula diterima oleh masyarakat pada zaman abad pertengahan
 - III Pihak gereja menyalahgunakan kuasa dan bertindak zalim terhadap rakyat
 - IV Tindakan kaum Yahudi yang cuba melakukan pemberontakan bagi meruntuhkan kepercayaan masyarakat terhadap agama Kristian
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C I, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S37** Apakah dua era yang menjadikan Sekularisme bertambah dominan?
- A Era anti Sosialisme dan era pro Kapitalisme
 - B Era anti senjata nuklear dan era perang dingin
 - C Era Renaissance dan era Revolusi Perindustrian
 - D Era selepas Perang Dunia Pertama dan sebelum Perang Dunia Kedua

S38 Pilih asas utama dalam agama Islam.

- I Akal
 - II Akidah
 - III Akhlak
 - IV Syariah
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S39 Manakah antara berikut pernyataan yang benar mengenai ajaran Islam?

- A Mempercayai roh nenek moyang
- B Mementingkan moral dan etika sahaja
- C Merupakan panduan zahir dan batin kepada penganutnya
- D Menjaga hubungan antara manusia di bumi dengan manusia di alam lain

S40 Manakah pernyataan berikut yang menjelaskan bahawa agama Islam bersifat universal?

- A Ajarannya tidak terhad kepada masa tertentu
- B Bersumberkan wahyu iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah
- C Meliputi seluruh undang-undang dan peraturan hidup manusia
- D Sangat sesuai diamalkan oleh seluruh umat manusia di seluruh dunia

S41 Pilih pernyataan yang benar mengenai ajaran Konfusianisme.

- A Ajaran yang mengingati roh nenek moyang
- B Ajaran yang mementingkan perbuatan bermoral
- C Ajaran yang menjadi panduan zahir dan batin kepada penganutnya
- D Ajaran yang menjaga hubungan antara manusia di langit dengan manusia di alam lain

S42 Nyatakan tiga ajaran utama Konfusianisme yang menekankan peningkatan moral.

- A Ren, Yi dan Li
- B Zhi, Xin dan Wu Chang
- C Be de, Xiong dan Wu Lun
- D Wu Chang, Wu Lun dan Be De

- S43 Apakah pegangan yang harus diikuti oleh penganut ajaran Konfusius berdasarkan konsep *Zhi*?
- A Berpegang kepada janji
 - B Menjaga kesopanan dan kesusilaan
 - C Mempunyai kebijaksanaan dan berpengetahuan dalam pelbagai aspek
 - D Memiliki sifat berkasih sayang, menghormati orang tua dan kebolehpercayaan
- S44 Manakah pernyataan yang benar mengenai pengertian etika dalam tradisi Hindu?
- I Ilmu pengetahuan yang membahaskan asas-asas akhlak dan moral
 - II Tingkah laku manusia untuk menemui kebenaran dan kebaikan atau perilaku manusia
 - III Kesusilaan, perasaan batin atau kecenderungan batin untuk melakukan sesuatu kebaikan
 - IV Kebenaran serta kebajikan yang menuntun manusia untuk mencapai kebahagiaan dan keselamatan
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II, dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S45 Apakah maksud *tattma* dalam kerangka dasar agama Hindu?
- A Etika agama Hindu
 - B Ritual agama Hindu
 - C Falsafah agama Hindu
 - D Rasa syukur kepada Tuhan
- S46 Apakah empat perkara yang terkandung dalam ajaran Jalan Lapan Lapis Mulia (*Eight Right Path*)?
- A Pekerjaan yang betul, usaha yang betul, tumpuan yang betul, tekad yang betul
 - B Pandangan yang betul, fikiran yang betul, pertuturan yang betul, perbuatan yang betul
 - C Pandangan yang betul, penglihatan yang betul, pengetahuan yang betul, penelitian yang betul
 - D Penderitaan yang betul, kesengsaraan yang betul, kebahagiaan yang betul, keharmonian yang betul

Soalan 47 hingga 50 merupakan empat kebenaran mulia dalam ajaran Buddha dalam **Jadual 3**. Pilih jawapan yang betul.

Jadual 3

A	<i>Magga</i>
B	<i>Dukkha</i>
C	<i>Nirodha</i>
D	<i>Samadaya</i>

- S47** Jalan bagi menghilangkan kesengsaraan adalah dengan melalui Jalan Lapan Yang mulia.
- S48** Kehidupan ini adalah merupakan kesengsaraan yang dipenuhi dengan kesakitan, kesedihan dan penderitaan.
- S49** Semua kesengsaraan boleh diakhiri dengan membuang segala keinginan dan hawa nafsu kepada kenikmatan tersebut.
- S50** Wujudnya kesengsaraan itu adalah disebabkan oleh keinginan atau naluri seseorang untuk menikmati kelazatan dan kenikmatan hidup.
- S51** Pilih fungsi Kod Etika Profesional.
- I Pematuhan ahli profesional tentang satu standard etika yang tinggi
 - II Panduan kepada profesional tentang kejujuran dan maruah profesion
 - III Menunjukkan kepada semua pihak tentang imej positif setiap profesion
 - IV Gambaran kepada semua pihak tentang integriti profesion masing-masing
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II, dan IV sahaja
 - C II, III dan IVsahaja
 - D I, II, III dan IV

- S52** Manakah amalan yang dianggap beretika secara profesional?
- A Menolong orang tua memberi rasuah
 - B Menyokong orang muda mengadakan rusuhan
 - C Membantu orang tua menyelesaikan masalahnya
 - D Menggalakan orang muda menjalankan pemerdagangan manusia
- S53** Apakah ciri-ciri ahli profesional yang mempunyai inisiatif tinggi?
- A Menjalankan tugas dengan beban yang tinggi
 - B Melaksanakan tugas setelah diarahkan oleh pihak atasan
 - C Mempunyai kuasa untuk mengarahkan sesuatu kerja atau tugas
 - D Melaksanakan tugas dan tanggungjawab tanpa diarah melakukannya
- S54** Manakah yang menerangkan fungsi kelima Kod Etika Profesional?
- A Membantu para penjawat awam dalam pencegahan rasuah
 - B Membantu para profesion daripada sebarang tekanan dalam pekerjaan
 - C Membantu para penyelidik menangani persoalan yang dihadapi dalam masyarakat
 - D Membantu para ahli profesional mempertahankan dirinya sekiranya menerima tuduhan atau tohmahan
- S55** Apakah penyebab berlakunya konflik moral?
- I Peraturan
 - II Kepercayaan
 - III Percanggahan nilai
 - IV Sistem pemerintahan
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S56 Manakah pernyataan yang berkaitan dengan konflik Interpersonal?

- I Berlaku percanggahan idea daripada kedua-dua pihak
- II Terjadi percanggahan nilai moral antara dua pihak atau lebih
- III Berlaku dalam diri seseorang individu tanpa melibatkan orang lain
- IV Disiplin atau peraturan yang menentukan sama ada sesuatu perbuatan itu baik atau buruk

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S57 Apakah yang dimaksudkan dengan konflik moral?

- A Perserfahaman nilai di antara dua pihak
- B Pergaduhan di antara dua pihak tentang nilai moral
- C Pertembungan masalah yang tidak dapat diselesaikan
- D Pertembungan antara dua nilai yang bertentangan dalam satu keadaan

S58 Apakah yang dimaksudkan dengan *Theory of Constraint* (TOC)?

- I Memerlukan seseorang individu atau beberapa pihak tersebut untuk berfikir secara sistematik
- II Membantu untuk membentuk pengetahuan sendiri dan menyelesaikan konflik moral yang dihadapi
- III Menggambarkan cara penyelesaian konflik melalui lakaran yang mudah dan senang diterima akal
- IV Strategi TOC sesuai digunakan untuk individu yang mempunyai akal fikiran daripada segenap lapisan umur

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S59 Nyatakan pembahagian konflik moral.

- A Konflik Intrapersonal dan Hierarki
- B Konflik Intrapersonal dan Konflik Pencairan
- C Konflik Intrapersonal dan Konflik Kompromi
- D Konflik Intrapersonal dan Konflik Interpersonal

- S60** Apakah yang dimaksudkan dengan kaedah asas dalam strategi penyelesaian konflik?
- I Kaedah yang memerlukan seseorang individu untuk memikirkan cabaran yang bakal dihadapi
 - II Kaedah yang digunakan untuk individu yang mempunyai akal fikiran daripada segenap lapisan umur
 - III Kaedah yang digunakan untuk membentuk pengetahuan sendiri dan menyelesaikan konflik moral yang dihadapi
 - IV Kaedah yang memerlukan seseorang individu untuk mengambil tindakan untuk mencapai matlamat secara bersama dan bersefahaman
- A I, II dan IV sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S61** Pilih bentuk strategi penyelesaian konflik yang sering digunakan dalam menyelesaikan konflik moral.
- I Kompromi
 - II Pencairan Masalah
 - III Pembinaan Hierarki
 - IV *Theory of Constraint* (TOC)
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S62** Apakah strategi yang boleh dilakukan untuk menangani konflik moral?
- I Pemikiran yang terbuka
 - II Membuat keputusan sendiri tanpa ada perundingan
 - III Mengambil kira segala kepentingan sebelum membuat keputusan
 - IV Pemikiran yang mendalam dan terperinci dalam usaha menyelesaikan konflik
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C I, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S63 Manakah punca-punca yang menyebabkan isu moral berlaku?

- I Didikan agama
- II Pengaruh media massa
- III Pengaruh rakan sebaya
- IV Sifat ingin tahu dan mencuba

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S64 Pilih cara mengatasi isu moral yang berlaku di Malaysia.

- I Penglibatan ibu bapa
- II Memperkasakan didikan agama
- III Mengadakan kempen tentang isu-isu moral
- IV Penglibatan kerajaan dalam menangani konflik moral

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S65 Susun tahap-tahap perkembangan berlakunya konflik mengikut turutan yang betul.

- I Akibat konflik
- II Konflik dikesan
- III Konflik disedari
- IV Konflik terpendam

- A I, II, III dan IV
- B I, III, IV dan II
- C VI, II, III dan I
- D III, I, IV dan II

S66 Manakah punca utama berlakunya jenayah pembuangan bayi?

- A Perzinaan berleluasa
- B Kemiskinan keluarga
- C Keganasan rumahtangga
- D Pemerdagangan manusia

- S67** Apakah faktor utama berlakunya rasuah dalam pengurusan sesuatu organisasi?
- A Pemilihan pekerja berdasarkan kroni
 - B Pemantauan dan penyeliaan yang longgar
 - C Kegemaran mengejar populariti dalam organisasi dan masyarakat
 - D Budaya masyarakat majmuk memberi hadiah dalam bentuk wang dan barangan
- S68** Manakah antara pernyataan berikut mempunyai hubungan dengan maksud integriti?
- I Berkait rapat dengan etika
 - II Berkait rapat dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang tinggi
 - III Berkait rapat dengan sifat jujur dan sentiasa berpegang kepada kebenaran
 - IV Berkait rapat dengan kualiti unggul yang wujud secara bersepadu pada individu dan organisasi
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S69** Apakah teori yang mengalakkan amalan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT)?
- I Evolusi
 - II Hedonisme
 - III Psikoanalisis
 - IV Eudamonisme
- A I dan II sahaja
 - B II dan III sahaja
 - C II dan IV sahaja
 - D III dan IV sahaja

Soalan 70, 71 dan 72 berdasarkan perbuatan jenayah pada **Jadual 4**.

Jadual 4

Kategori	Perbuatan	Kesan
X	memukul, mencucuh api rokok, mencampak dan lain-lain	cedera, cacat, meninggal dunia
Emosi	marah, cerca, caci dan lain-lain	kemurungan, keresahan, ketakutan
Seksual	meliwat dan merogol	meninggal dunia, cedera, ketakutan

S70 Apakah jenayah yang mempunyai hubungan dengan pernyataan dalam **Jadual 4**?

- A Pelacuran kanak-kanak
- B Penderaan kanak-kanak
- C Keganasan rumahtangga
- D Pemerdagangan manusia

S71 Manakah kategori yang sesuai bagi X pada **Jadual 4**?

- A Emosi
- B Rohani
- C Mental
- D Perasaan

S72 Apakah faktor utama yang menyebabkan jenayah pemerdagangan manusia berlaku?

- A Kemiskinan
- B Keuntungan
- C Kepuasan diri
- D Salah guna kuasa

- S73** Berapakah umur yang dikategorikan sebagai kanak-kanak dalam Akta Kanak-kanak 2001?
- A Di bawah 21 tahun
 - B Di bawah 18 tahun
 - C Di bawah 16 tahun
 - D Di bawah 12 tahun
- S74** Siapakah yang memperkenalkan teori Psikoanalisis?
- A James Mill
 - B Sigmund Freud
 - C John Stuart Mill
 - D Jeremy Bentham
- S75** Siapakah pengasas Darwinisme?
- A Charles Cyell Darwin
 - B George Royal Darwin
 - C George John Romanes
 - D Charles Robert Darwin
- S76** Apakah teori yang dikemukakan oleh Darwin?
- A Teori evolusi hidupan
 - B Teori psikologi manusia
 - C Teori perkembangan moral
 - D Teori perkembangan moral Barat
- S77** Manakah penerapan nilai integriti dianggap penting dalam organisasi?
- A Individu dapat berintegrasi antara satu sama lain
 - B Meningkatkan produktiviti dan pengeluaran dalam organisasi
 - C Sikap kasih sayang dan memahami antara satu sama lain dapat disemai
 - D Mengelakkan berlakunya penyalahgunaan kuasa dan sikap pentingkan diri

- S78** Nyatakan implikasi sentimen perkauman yang melampau terhadap negara?
- A Perpaduan sukar diwujudkan
 - B Peperangan berlaku di mana-mana
 - C Masyarakat menjadi terlalu mementingkan diri
 - D Kurangnya integrasi dan asimilasi antara budaya
- S79** Apakah teori yang menganggap hubungan sejenis dianggap sah dan tidak salah untuk dilakukan?
- A Hedonisme
 - B Naturalisme
 - C Darwinisme
 - D Eksistensialisme
- S80** Pilih pernyataan yang benar tentang hubungan antara etika, sains dan teknologi.
- I Wujud hubungan yang sangat erat antara etika, sains dan teknologi
 - II Nilai-nilai murni dalam ajaran agama akan meningkatkan kemajuan sains dan teknologi
 - III Sains, teknologi serta inovasi-inovasi baharu akan membawa kemusnahan kepada manusia dan alam
 - IV Sains dan teknologi tidak boleh dipisahkan dengan peraturan dan sistem nilai yang telah ditentukan oleh tuhan
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

-SOALAN TAMAT -